

UUM 2-DEC1972

ALOR SETAR 1 Dis. — Pengerusi FIMA Dr. Mahathir bin Mohamed. sedang mengkaji usaha-usaha yang boleh dilaksanakan melalui jawatan yang diberi kepadanya itu.

Beliau memberitahu hari ini sekurang-kurangnya selama enam bulan lagi baru beliau dapat melaksanakan dengan sepenuhnya segala tanggungjawab tersebut.

Sebagai Pengerusi FIMA yang baru, beliau terpaksa mengkaji tugas-tugas dan jurusan-jurusan yang boleh dilaksanakan untuk kepentingan negara dan semua rakyat di sini.

Tetapi beliau yakin FIMA akan dapat melaksanakan kehendak-kehendak negara terutama bagi mengatasi pengangguran di negeri ini.

Dr. Mahathir berkata, sebagai Pengerusi FIMA beliau tidak mahu banyak bercakap dalam perkara tersebut sebelum dapat dilaksanakan.

Bagaimanapun tanggungjawab yang diberi kepada saya itu saya anggap sebagai satu perkara baru yang akan dapat dilaksanakan selepas mengkaji dengan sepenuhnya.